



# BAHAN KELAS BM CIKGU VOONTM

## SMK PUJUT MIRI

### Percubaan Negeri Kedah 2024 – Bahagian A

MLY/1/5

#### Bahagian A

[30 markah]

*Soalan ini mesti dijawab.*


*Petikan dan grafik di bawah menunjukkan maklumat berkaitan herba tradisional.*

*Berdasarkan maklumat tersebut,uraikan pendapat anda tentang penggunaan herba tradisional dalam kalangan masyarakat.*


*Panjangnya huraihan anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.*

**Apakah tumbuhan herba?**

Herba merupakan satu anugerah yang sangat bernilai kepada manusia. Tumbuhan herba mempunyai pelbagai kegunaan dalam kehidupan. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah melaporkan bahawa sebanyak 80% daripada penduduk dunia bergantung kepada tumbuhan ini.



merawat penyakit



meningkatkan aroma



## BAHAN KELAS BM CIKGU VOONTM SMK PUJUT MIRI

Soalan	<b>Kepentingan penggunaan herba tradisional</b>
Tema / Isu	<b>Penggunaan herba tradisional</b>
Tugasan / Fokus	<b>Kepentingan</b>
Format (SILA PILIH)	<b>TIADA / E-MEL / RENCANA / LAPORAN / SURAT KIRIMAN RASMI / SURAT KIRIMAN TIDAK RASMI / WAWANCARA / SYARAHAN / CERAMAH</b>

Malaysia merupakan sebuah negara yang kaya dengan tumbuh-tumbuhan herba untuk dijadikan ubat tradisional. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah melaporkan bahawa sebanyak 80% daripada penduduk dunia bergantung pada tumbuhan ini demi tujuan kesihatan diri. Persoalannya, apakah kepentingan penggunaan tradisional dalam kalangan masyarakat? (38pp)

Satu daripada kepentingannya ialah tanaman herba diyakini mampu merawat penyakit. Hal ini dikatakan demikian kerana herba mudah didapati di sekeliling kita. Sebagai contoh, masyarakat gemar menghidu bawang putih yang ditumbuk untuk melegakan hidung yang tersumbat sewaktu dijangkiti selesema. Limau purut pula digunakan untuk mencuci rambut semasa mandi bagi merawat kelelumur. Kesannya, kita tidak perlu tergesa-gesa untuk berjumpa dengan doktor. (54pp)

Bukan itu sahaja, tanaman herba dipercayai mampu meningkatkan aroma dalam pelbagai aspek. Masyarakat Malaysia gemar akan herba tradisional kerana baunya tidak menusuk hidung dan bersifat semua jadi. Misalnya, halia dan serai digunakan untuk mengukus ikan kerana mampu menghilangkan bau hanyir makanan laut. Bunga lawang dan kulit kayu manis ditambahkan ke dalam nasi beriani untuk menguatkan keharumannya. Secara tidak langsung, makanan menjadi lebih enak di samping menambahkan selera masyarakat, bak peribahasa sambil menyelam minum air. (63pp)

Intinya, tanaman herba sememangnya amat berguna dalam kehidupan kita. Penyelidikan dan pembangunan terhadap tanaman herba wajar disemarakkan agar nilai perubatannya dimanfaatkan sepenuhnya. Mudah-mudahan pembangunan tanaman herba di Malaysia semakin rancak **bagai belut diketil ekor.** (30pp)



## BAHAN KELAS BM CIKGU VOONTM SMK PUJUT MIRI

### Percubaan Johor 2024 – Bahagian A

#### BAHAGIAN A [30 markah]

*Petikan dan grafik di bawah menunjukkan maklumat berkaitan dengan bangunan bersejarah di Malaysia.*

*Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang bangunan bersejarah di Malaysia.*


*Panjangnya huraian anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.*

#### PEMULIHARAAN BANGUNAN BERSEJARAH

SHAH ALAM : Bangunan bersejarah merupakan bangunan yang wajar dipelihara. Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah telah bertitah agar pihak berkuasa melaksanakan pemuliharaan dan pemeliharaan bangunan bersejarah di Malaysia. Menurut baginda, kebanyakan bangunan bersejarah berpotensi untuk menjadi tumpuan pelancong dari dalam dan luar negara.



Bangunan Sultan Abdul Samad, Kuala Lumpur




Bangunan lama perlu dirobohkan

Jangan! pemuliharaan bangunan bersejarah dapat meluaskan pengetahuan.

#### TAHUKAH ANDA?

Kota A' Famosa telah dibina oleh Portugis sebaik sahaja berjaya menawan Melaka pada tahun 1511

Sumber: [jpt.moe.gov.my](http://jpt.moe.gov.my)





## BAHAN KELAS BM CIKGU VOONTM SMK PUJUT MIRI

Soalan	<b>Kepentingan pemuliharaan dan pemeliharaan bangunan bersejarah</b>
Tema / Isu	<b>Bangunan bersejarah</b>
Tugasan / Fokus	<b>Kepentingan</b>
Format (SILA PILIH)	TIADA / E-MEL / RENCANA / LAPORAN / SURAT KIRIMAN RASMI / SURAT KIRIMAN TIDAK RASMI / WAWANCARA / SYARAHAN / CERAMAH

Bangunan bersejarah ditakrifkan sebagai monumen atau seni bina yang memperingati sesuatu peristiwa bersejarah atau seseorang tokoh. Malaysia mempunyai pelbagai bangunan bersejarah seperti Kota A Famosa dan Bangunan Sultan Abdul Samad. Pemuliharaan bangunan bersejarah adalah signifikan agar bangunan tersebut dapat menjadi khazanah negara yang tidak ternilai harganya (41pp)

Bangunan bersejarah mesti dipulihara supaya dapat menjadi tumpuan pelancong dari dalam dan luar negara. Hal ini dikatakan demikian kerana setiap bangunan bersejarah di Malaysia mempunyai nilai estetika tersendiri. Sebagai contoh, pelancong memilih Bangunan Sultan Abdul Samad sebagai destinasi wajib mereka apabila mereka makan angin di Malaysia kerana mereka terpegun dengan unsur kesenianya yang menarik, iaitu stail seni bina Islam ‘Moor’. Impaknya, nama negara kita semakin popular di mata dunia sehingga pendapatan negara meningkat. (63pp)

Bukan itu sahaja, pemuliharaan bangunan bersejarah dapat meluaskan pengetahuan masyarakat. Tamsilnya, kebanyakan penyelidik universiti mengunjungi Kota A’Famosa untuk mengkaji struktur binaannya dan kisah sejarah di sebaliknya kerana kota ini dibina oleh Portugis sebaik sahaja berjaya menawan Melaka pada tahun 1511. Kunjungan sedemikian membantu untuk menghasilkan pelbagai bahan pembelajaran yang menarik untuk kegunaan generasi muda dalam pendidikan, di samping mempergiat kegiatan penyelidikan dan pembangunan bidang arkeologi Malaysia. (62pp)

Kesimpulannya, pelbagai maslahat dapat kita peroleh melalui pemuliharaan bangunan bersejarah. Setiap pihak wajar menanggung dan menyempurnakan obligasi masing-masing untuk memulihara bangunan bersejarah di Malaysia. Mudah-mudahan bangunan bersejarah di Malaysia teguh selama-lamanya, persis pepatah, **tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas.** (34pp)

**(200 patah perkataan)**